

BAB V : KESIMPULAN

5.1 Rumusan

Di dalam penyelidikan ini, beberapa gambaran telah digariskan tentang konsep Ilmu Usuluddin yang menjadi teras kepada agama Islam. Daripada pengertian Usuluddin itu sendiri bermaksud asas agama. Ini bermakna, ia adalah asas kepada agama Islam. Aspek perbincangan di dalam ilmu usuluddin adalah terlalu luas kerana ia menjadi titik tolak kepada ilmu-ilmu yang lain. Ini dibuktikan apabila segala ilmu yang terdapat di alam ini adalah penganugerahan daripada Allah SWT. Dan, segala cakupan perbincangan di dalam ilmu usuluddin adalah menyentuh tentang segala sifat Allah SWT Yang Maha Suci.

Ini menunjukkan bahawa Allah SWT mengajar manusia segala ilmu yang menjadi pemudah kepada hidup manusia itu sendiri. Sekali lagi membuktikan betapa Allah SWT bersifat Pemurah dan Penyayang. Dengan sebab itu, persoalan akidah menjadi perjuangan asasi ketika Rasulullah SAW berada di Mekah kerana ia adalah daya penentu kejayaan umat Islam selepas berhijrah ke Madinah. Sebelum kewafatan Rasulullah SAW, tidak wujud perselisihan pendapat tentang perkara-perkara kepercayaan di dalam agama Islam kerana setiap masalah yang timbul akan terus dirujuk kepada Rasulullah SAW.

Namun, selepas kewafatan baginda SAW, timbul perselisihan pendapat tentang siapa yang paling layak untuk dimaterikan perjanjian bagi dilantik sebagai

khalifah. Sejak daripada itu, perselisihan dari sudut politik telah menular lalu timbulnya beberapa mazhab atau aliran yang mengeluarkan pendapat masing-masing mengenai perkara-perkara akidah. Oleh itu, lahirnya ilmu kalam atau diistilahkan sebagai Ilmu usuluddin. Konsep perbincangan di dalam ilmu ini adalah menyentuh tentang pengetahuan mengenai kewujudan Pencipta alam ini, mengenali-Nya melalui nama-nama dan sifat-sifat yang telah dinyatakan di dalam nas-nas sama ada di dalam al-Qur'an al-Karim atau hadith yang sahih. Begitu juga, ia mengandungi perbahasan tentang pengutusan para rasul yang diutuskan kepada setiap umat manusia yang merangkumi kemaksuman mereka, kemukjizatan dan sebagainya. Malah, turut diperbincangkan di dalam ilmu ini ialah tentang keimanan kepada para malaikat serta kebangkitan manusia setelah berlakunya hari akhirat. Ini termasuklah perbahasan tentang dosa, pahala, pembalasan syurga dan neraka. Ringkasnya, Ilmu Usuluddin ialah suatu ilmu yang mengupas persoalan berkenaan kepercayaan dan keyakinan di dalam agama Islam. Di antara persoalan asas dalam ilmu ini ialah tentang Ketuhanan, Kenabian dan Kerasulan, kepercayaan kepada para malaikat serta janji-janji Allah SWT pada hari akhirat. Tegasnya, apabila seseorang yang beriman kepada perkara-perkara tadi secara hakiki, nescaya mereka akan terpelihara daripada melakukan perbuatan yang menjurus kepada dosa dan mendapat kemurkaan Allah SWT.

Menyedari betapa Ilmu Usuluddin menjadi pemangkin kepada pembentukan sikap dan mentaliti umat Islam, ia telah dimuatkan di dalam sukanan Pelajaran - Pendidikan Islam bagi pelajar-pelajar sekolah di seluruh Malaysia. Dengan kata lain, ia menjadi pelajaran yang bersifat formal melalui proses pendidikan. Maksud

pendidikan mempunyai beberapa tafsiran yang berbeza. Di antaranya ia dikatakan sebagai pertumbuhan individu yang bersifat intelektual, interaksi sesama masyarakat yang boleh membawa kepada perkembangan individu, pembangunan sosial sekali gus dapat menghasilkan masyarakat yang berkembang dan berjaya. Walau bagaimanapun, dalam konteks pendidikan di sekolah-sekolah, ia lebih berbentuk kepada memperkembangkan potensi individu melalui ilmu-ilmu yang diajarkan kepada mereka. Bagi mengaktifkan proses pendidikan, ia memerlukan kepada satu kurikulum yang terancang dan tersusun bagi mencapai matlamat pendidikan yang telah ditetapkan.

Apabila mengaitkan kurikulum dengan pendidikan, ia menjadi dua elemen yang tidak dapat dipisahkan kerana setiap proses pendidikan memerlukan satu kurikulum yang jelas dan teratur. Jika berlaku sebaliknya, proses pendidikan menjadi ‘tempang’ dan tidak akan ke mana-mana. Kurikulum mempunyai pelbagai takrifan, di antara pengertian yang paling relevan dengan proses pendidikan ialah ;

- i) segala perancangan pembelajaran yang dibuat oleh pihak institusi pendidikan seperti sekolah, maktab, universiti dan sebagainya.
 - ii) mengenal pasti segala perkara yang perlu di dalam proses pembelajaran seterusnya membuat perancangan untuk melaksanakan perkara tersebut sama ada secara terbuka atau tertutup.
 - iii) cara dan segala isi kandungan yang perlu disampaikan kepada pelajar - serta menyediakan segala kemudahan untuk menuju ke arah itu.
- Dalam pada itu, ia juga harus mengambil kira tahap mata pelajaran

menurut peringkat dan lapisan pelajar, perlu mengandungi jangka masa pembelajaran sekali gus mengambil berat terhadap tahap penerimaan pelajar mengikut kemampuan masing-masing.

- iv) prinsip dan protokol di dalam sesuatu perancangan, pelaksanaan, penilaian dan pengurusan di dalam proses pendidikan.

Oleh yang demikian, kurikulum mempunyai variasi pengertian yang boleh disimpulkan sebagai satu persediaan untuk melakukan sesuatu proses pendidikan sama ada dari sudut teknikal, pengisian, perancangan dan lain-lain. Malah, ia bertindak sebagai nadi bagi menentukan pencapaian matlamat yang cemerlang di dalam dunia pendidikan.

Oleh itu, kerajaan Malaysia telah menggubal satu rancangan kurikulum yang dinamakan sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan bermula dari tahun 1989. Ia menekankan beberapa unsur yang dirangkumkan secara menyeluruh dan bersepadu iaitu kemantapan dari segi rohani, jasmani, intelek dan emosi agar pelajar yang dilahirkan dapat memenuhi ciri-ciri insan cemerlang. Di dalam KBSM, beberapa mata pelajaran dimuatkan sebagai memenuhi kehendak daripada tujuan KBSM itu sendiri. Di antaranya ialah mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Matematik, Sains, Sejarah, Geografi, Pendidikan Seni, Bahasa Arab dan sebagainya. Namun, apa yang menjadi fokus - utama di dalam penyelidikan ini ialah tentang mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya yang berkait dengan akidah atau usuluddin.

Seterusnya, jika dikatakan Ilmu Usuluddin bertindak sebagai ilmu teras di dalam pembinaan sikap dan mentaliti umat Islam, seharusnya golongan pelajar sekolah yang mempelajari ilmu ini menjadi insan contoh kepada masyarakat kebanyakan. Namun, hasil daripada kaji selidik yang dilakukan di dalam penyelidikan ini yang menyentuh tentang pemahaman, penghayatan, aktiviti pembelajaran dan permasalahan yang mereka hadapi menunjukkan masih berada di tahap yang sederhana. Sebagai rumusan daripada apa yang dinyatakan ini adalah seperti berikut ;

5.1.1 Pemahaman Pelajar Tentang Ilmu Usuluddin

Dari sudut pemahaman pelajar sekolah tentang Ilmu Usuluddin itu sendiri, ianya masih berada di tahap yang sederhana. Ini kerana, apabila ditanya kepada mereka tentang perkara-perkara asas di dalam akidah, majoritinya menyatakan sekadar faham dan sederhana faham tentang perkara-perkara tersebut. Sebagai contoh, mengenai pengertian akidah menurut al-Qur'an, prinsip-prinsip akidah Islam, perkara-perkara yang boleh membatalkan iman seseorang dan pengertian Islam, majoriti daripada mereka menyatakan setakat faham walaupun tidak dinafikan ada yang menyatakan sangat faham. Namun, ini merupakan konsep yang terlalu asas di dalam Ilmu Usuluddin yang sepatutnya difahami secara jelas oleh setiap individu yang beragama Islam. Dalam pada itu pun, masih kedapatan daripada mereka yang menyatakan sederhana faham dan kurang faham tentang - perkara-perkara tersebut.

Begitu juga tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan rukun iman yang wajib diimani oleh umat Islam. Terutamanya menyentuh tentang keimanan kepada Allah SWT, majoriti pemahaman mereka masih berada di takat yang sederhana. Ini adalah berasaskan kepada hasil kaji selidik yang dilakukan. Misalnya, tentang konsep beriman kepada Allah SWT, maksud Allah SWT Maha Pemurah dan Maha Penyayang, maksud keesaan Allah SWT dan jumlah sifat-sifat Allah SWT, kebanyakannya daripada mereka menyatakan sekadar faham dan sederhana faham tentang perkara-perkara tersebut sedangkan ianya merupakan perkara yang terlalu asas di dalam akidah Islam. Malah terdapat juga mereka yang kurang faham dan tidak faham tentang perkara-perkara tersebut. Begitu juga perkara-perkara lain yang berkait dengan konsep beriman kepada Allah SWT.

Selain daripada itu, keadaan yang sama juga berlaku kepada pemahaman pelajar tentang rukun-rukun iman yang lain seperti perkara-perkara yang berkaitan dengan keimanan kepada Malaikat, kitab-kitab yang diturunkan Allah SWT, para rasul dan hari akhirat. Kebanyakannya daripada mereka menyatakan sekadar faham di dalam perkara-perkara tersebut. Ini menandakan bahawa tahap pemahaman mereka di dalam perkara-perkara asas di dalam Ilmu Usuluddin perlu ditingkatkan lagi.

5.1.2 Penghayatan Pelajar Tentang Ilmu Usuluddin

Penghayatan pelajar tentang Ilmu Usuluddin sebagaimana yang dimuatkan di dalam KBSM juga masih berada di tahap sederhana. Ini kerana, hasil daripada

kaji selidik yang dilakukan kepada para pelajar sekolah menengah menunjukkan majoriti daripada mereka menyatakan sederhana hayati dan hayati terhadap item-item yang ditanya kepada mereka. Misalnya, keyakinan terhadap asas-asas iman yang ditentukan oleh Allah SWT, sentiasa mensyukuri segala nikmat yang diberikan oleh Allah SWT, sentiasa beribadah kepada Allah SWT dan sentiasa berusaha meningkatkan keimanan dan pengetahuan di dalam agama Islam menunjukkan sebilangan besar daripada responden sekadar menyatakan sederhana hayati dan hayati. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa kedapatan daripada mereka yang menyatakan amat hayati, namun jumlahnya masih rendah.

Malah, keadaan yang sama juga berlaku kepada item-item yang ditanya kepada mereka seperti sentiasa meneliti kandungan al-Qur'an dan Hadith yang berkaitan dengan dosa besar, sentiasa mematuhi ajaran yang terkandung di dalam al-Qur'an, sentiasa membaca al-Qur'an sebagai rutin harian, mencantohi sifat-sifat terpuji dan cara hidup Rasulullah SAW serta sentiasa bersedia untuk menghadapi kematian. Kebanyakan daripada mereka menyatakan sekadar sederhana hayati dan hayati sahaja. Ini menunjukkan bahawa apa yang ingin dicapai oleh kurikulum di dalam KBSM masih di tahap yang sederhana dan perlu ditingkatkan lagi.

5.1.3 Aktiviti Pelajar Semasa Pembelajaran Ilmu Usuluddin di Sekolah.

Dari aspek pelaksanaan aktiviti pembelajaran responden tentang Ilmu Usuluddin di sekolah, hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan daripada

mereka juga masih di tahap sederhana di dalam melakukan aktiviti-aktiviti yang telah ditetapkan di dalam KBSM. Sebagai contoh, aktiviti seperti pembentangan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan perbincangan di dalam kelas, mengadakan perbahasan, bernasyid beramai-ramai tentang tajuk-tajuk yang dipelajari di dalam akidah, mengadakan latihan dalam bentuk ceramah agama dan menghafal doa taubat untuk diamalkan sehari-hari masih perlu ditingkatkan kerana kebanyakan daripada mereka menyatakan kekerapan aktiviti-aktiviti tersebut adalah di peringkat yang sederhana.

Begini juga, dari sudut kekerapan mengadakan lawatan ke tempat-tempat tertentu bagi menghayati kandungan pelajaran, mengiringi jenazah ke kubur jika berlaku kematian, mengadakan lawatan ke tempat-tempat yang ditimpa musibah dan bencana serta membuat kajian kemasyarakatan tentang amalan-amalan khurafat yang berlaku adalah berada di tahap yang sederhana. Malah, keadaan yang sama juga berlaku kepada persoalan-persoalan lain yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pembelajaran Ilmu Usuluddin sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam KBSM. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti tersebut perlu dilaksanakan dengan lebih efektif sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam KBSM bagi menghasilkan para pelajar yang berkualiti dari sudut pemahaman dan penghayatan terhadap ajaran-ajaran Islam yang berkaitan dengan Ilmu Usuluddin (akidah).

5.1.4 Permasalahan Pelajar Di Dalam Pembelajaran Ilmu Usuluddin

Dari aspek permasalahan pelajar di dalam pembelajaran Ilmu Usuluddin KBSM, buku Teks yang digunakan bagi pembelajaran akidah adalah tidak terlalu sukar untuk difahami. Ini kerana, hasil kajian mendapati majoriti daripada mereka tidak bersetuju dengan kenyataaan bahawa buku Teks yang digunakan adalah sukar untuk difahami. Begitu juga, kebanyakan daripada mereka tidak bersetuju dengan permasalahan-permasalahan yang ditanya kepada mereka seperti cara penyampaian di dalam Buku Teks tidak menarik, istilah-istilah di dalam Buku Teks sukar difahami, sukanan pelajaran tidak jelas dan sukar difahami serta sukanan terlalu banyak dan membebankan. Namun, ada juga di antara mereka yang bersetuju dan amat bersetuju dengan kenyataan-kenyataan tadi. Walau bagaimanapun, ini menunjukkan bahawa responden kebanyakannya kurang menghadapi masalah di dalam perkara-perkara yang telah dinyatakan.

...
Opsi

Selain daripada itu, hasil kajian tentang kenyataan-kenyataan seperti corak penyampaian guru yang mengajar Ilmu Usuluddin tidak menarik, guru hanya menyampaikan apa yang terdapat di dalam Buku Teks tanpa mengaitkannya dengan contoh-contoh yang lain, guru tidak jelas tentang apa yang ingin disampaikan kepada para pelajar dan ilmu akidah tiada kaitan di dalam kehidupan menunjukkan majoriti responden tidak bersetuju dan kurang bersetuju. Oleh itu, ini menggambarkan bahawa kebanyakan responden kurang menghadapi masalah di dalam perkara-perkara tersebut.

Meskipun begitu, terdapat juga perkara-perkara yang menjadi masalah kepada responden seperti peralatan bantu mengajar kurang digunakan, bahan-bahan rujukan sampingan sukar diperolehi dan masa pembelajaran yang diperuntukkan tidak memadai. Ini kerana, hasil kajian mendapati kebanyakan responden setuju dan amat setuju dengan kenyataan-kenyataan tersebut. Jadi, permasalahan ketara yang dihadapi responden di dalam pembelajaran Ilmu Usuluddin KBSM ialah yang berkaitan dengan kenyataan-kenyataan tersebut.

5.2 Saranan

Sebagai saranan kepada umum hasil daripada penyelidikan yang telah dilakukan, menjadi tanggungjawab kepada para pendidik termasuklah guru, ibubapa, pemimpin masyarakat agar masing-masing memainkan peranan meletakkan ilmu usuluddin sebagai asas dalam perjalanan segala ilmu yang lain. Perkara ini perlu diberi perhatian yang serius memandangkan ianya menjadi tunjang penting yang akan mengukuhkan kefahaman dan penghayatan umat Islam terhadap agama Islam itu sendiri.

Dalam situasi pendidikan secara formal, pihak Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu yang mengendalikan urusan pendidikan di sekolah-sekolah negeri Terengganu seharusnya mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan ke arah pelaksanaan kurikulum berkaitan ilmu Usuluddin di dalam KBSM. Hasil yang didapati di dalam penyelidikan ini

menunjukkan bahawa terdapat beberapa kelemahan dari sudut pelaksanaan kurikulum yang digariskan di dalam KBSM dengan apa yang berlaku di sekolah-sekolah negeri Terengganu secara keseluruhannya. Terutamanya, dari aspek pelaksanaan aktiviti pembelajaran Ilmu Usuluddin yang kebanyakannya tidak dapat dilaksanakan dengan baik di sekolah-sekolah seharusnya memerlukan pemantauan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan Pejabat Pendidikan Daerah. Selain daripada itu, dari aspek dalaman KBSM itu sendiri yang berkaitan dengan pembelajaran Ilmu Usuluddin perlu penilaian semula. Sebagai contoh, peruntukan masa pembelajaran perlu diperkemaskin memandangkan hasil kajian menunjukkan masalah responden yang paling ketara ialah berkaitan dengan masa yang diperuntukkan di dalam pembelajaran Ilmu Usuluddin.

Teramat wajar disarankan di sini bahawa penggunaan alat bantu mengajar (ABM) yang berasaskan teknologi terkini di dalam pelaksanaan pembelajaran Ilmu Usuluddin perlu diperbanyakkan bagi menarik minat pelajar untuk memahami dan menghayati apa yang diajarkan kepada mereka. Selain daripada itu, corak-corak aktiviti yang hendak dilaksanakan di dalam pembelajaran Ilmu Usuluddin juga perlulah bertepatan dengan realiti yang berlaku. Misalnya, sesetengah aktiviti pembelajaran memerlukan peruntukan masa yang panjang sedangkan waktu pembelajaran yang diperuntukkan agak terhad.

Tegasnya, pihak Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri serta Pejabat Pendidikan Daerah seharusnya mengambil langkah-langkah

sebagaimana yang telah disarankan di dalam penyelidikan ini. Para pelajar pula perlulah bersedia untuk mempelajari segala yang diajarkan kepada mereka seterusnya memahami dan menghayati di dalam kehidupan mereka.

i

11210582